

JARDIN SALIC 5 SALICYLIC ACID 5% W/W OINTMENT

Salicylic Acid (5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Jardin Salic 5
2. Bagaimana Jardin Salic 5 berfungsi
3. Sebelum menggunakan Jardin Salic 5
4. Cara menggunakan Jardin Salic 5
5. Semasa menggunakan Jardin Salic 5
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Salic 5
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Jardin Salic 5

Jardin Salic 5 digunakan untuk merawat keadaan kulit yang menebal dan bersisik seperti seborrheic dermatitis, ichthyosis, psoriasis dan jerawat.

Bagaimana Jardin Salic 5 berfungsi

- Jardin Salic 5 berfungsi dengan melembutkan lapisan luar kulit dan membantu membuang sel-sel kulit mati.
- Salicylic acid juga dapat mengelakkan liang roma anda tersumbat untuk membolehkan jerawat mengecut.

Sebelum menggunakan Jardin Salic 5

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap Salicylic Acid atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- Sebelum menggunakannya
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Jardin Salic 5 jika anda:
- Mengalami alahan atau hipersensitiviti kepada Salicylic Acid atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- Ubat-ubatan topikal seperti benzoyl peroxide, topical retinoids termasuk isotretinoin, alitretinon dan tazarotene.
- Sabun dan pembersih yang merengsakan.
- Kosmetik atau sabun yang mengeringkan kulit atau pengelupasan kulit.

Cara menggunakan Jardin Salic 5

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Sapu sedikit pada bahagian kulit yang terjejas.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Sapukan dua kali sehari, pada waktu pagi dan malam.

Kemudian, kekerapan penggunaan ubat mungkin boleh dikurangkan semasa penyembuhan.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan gejala ketoksikan salisilisme.

Semasa menggunakan Jardin Salic 5

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doctor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Jardin Salic 5.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Pastikan anda membasuh tangan sebelum dan selepas menggunakan salap ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Jardin Salic 5 kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

JARDIN SALIC 5 SALICYLIC ACID 5% W/W OINTMENT

Salicylic Acid (5% w/w)

<p>Jangan sapu pada luka.</p> <p>Elakkan dari terkena mulut, mata dan membran mukus.</p> <p>Jangan gunakan pada kawasan kulit yang luas untuk tempoh yang lama atau lebih daripada yang diarahkan oleh doktor anda.</p> <p>- <u>Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera</u></p> <p>Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Jardin Salic 5 terhadap anda.</p> <p>Berhati-hati supaya sapu ubat hanya pada kawasan yang terjejas dan bukan pada kulit berhampiran.</p> <p>Jika kulit merengsa atau menjadi sensitif, hentikan rawatan dan dapatkan nasihat doktor anda.</p>	<p>Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Salic 5</p> <p>- <u>Penyimpanan</u> Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.</p> <p>Simpan pada suhu di bawah 30°C.</p> <p>Tutup tiub dengan ketat.</p> <p>Jangan sapu ubat ini selepas tarikh luput atau jika penutup muncung tiub telah rosak atau tiub telah bocor.</p> <p>Lindungi dari haba, lembapan dan cahaya.</p> <p>- <u>Pelupusan</u> Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.</p>	<p>Pengilang</p> <p>Jardin Manufacturing Sdn Bhd, Lot 1, 2, 3 & 4, Kawasan Industri Batu 7, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia.</p> <p>Pemegang Pendaftaran Produk</p> <p>Jardin Manufacturing Sdn. Bhd, No. 12-1, Jalan Delta U6/19, Sunway Subang Business Park, Jalan TUDM, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia.</p> <p>Tarikh kemas kini RiMUP 31/12/2025</p> <p>Nombor Siri NPRA(R2) 25/053</p>
<p>Kesan-kesan sampingan Seperti ubat-ubatan lain, Jardin Salic 5 boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.</p> <p>Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Radang kulit atau kerengsaan kulit; kulit memerah; kulit terasa panas yang luar biasa. • Pengeringan dan pengelupasan kulit yang berlebihan. <p>Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.</p> <p>Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan <i>Adverse</i> Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [<i>Consumers</i> → <i>Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)</i>].</p>	<p>Maklumat lanjut</p> <p>- <u>Rupa dan warna produk</u> Salap lutsinar berwarna putih atau hampir putih.</p> <p>- <u>Bahan-bahan kandungan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Bahan aktif <ul style="list-style-type: none"> • Salicylic Acid - Bahan tidak aktif <ul style="list-style-type: none"> • White Soft Paraffin <p>- <u>Nombor MAL</u></p> <p>MAL25076033XZ</p>	